



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.96 / 2018

SPR KEMUKA RAYUAN TERHADAP KEPUTUSAN KES PETISYEN PILIHAN RAYA DUN N.27 RANTAU, NEGERI SEMBILAN

Setelah meneliti penghakiman lisan di dalam kes petisyen pilihan raya DUN N.27 Rantau, Negeri Sembilan dan mengambil kira nasihat peguam, khususnya mengenai kesan beberapa dapatan fakta dan undang-undang terhadap para petugas dan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) sendiri kepada operasi dan perjalanan pilihan raya di masa akan datang, SPR mengambil keputusan untuk merayu terhadap keputusan Hakim Pilihan Raya yang telah dibuat pada 16 November lalu.

SPR ingin menjelaskan bahawa rayuan yang dibuat adalah berdasarkan dapatan fakta terhadap SPR dan para petugas dan tidak melibatkan pembatalan keputusan pilihan raya DUN N.27 Rantau semasa Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 28 November 2018 / 20 Rabiul Awal 1440H